

KENYATAAN MEDIA

JOM KITAR SEMULA BOTOL KACA MELALUI PROGRAM KITARECYCLE

MELAKA, 30 JULAI 2021 – Penduduk di negeri Melaka kini boleh mula mengumpul botol kaca terpakai untuk dikitar semula dan seterusnya menikmati mata ganjaran melalui program KITAREcycle yang diperkenalkan oleh SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment).

Barangan berasaskan botol kaca seperti botol kicap, botol sos dan botol minuman kini telah diterima bersama 24 barangan kitar semula lain untuk dikitar semula bagi program KITAREcycle.

Dengan meningkatnya aktiviti kitar semula, penduduk negeri Melaka bukan sahaja dapat menyumbang kepada pengurangan janaan sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan, malah berpeluang memperoleh pulangan dalam bentuk mata ganjaran KITAREcycle yang kemudiannya boleh ditebus kepada wang ringgit.

Ahli KITAREcycle hanya perlu mengikuti beberapa langkah mudah sebelum mengumpul botol kaca untuk dikitar semula. Pastikan botol kaca tersebut masih dalam keadaan sempurna dan tidak pecah. Botol kaca perlu dibersihkan daripada sebarang kekotoran dan penutup botol perlu diasingkan. Kemudian, letakkan botol kaca yang telah ditampal kod QR KITAREcycle di dalam bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam sangkar kitar semula KITAREcycle kategori 'Lain-lain' di lokasi yang telah ditetapkan.

Selain dari sangkar KITAREcycle, botol kaca yang telah ditampal kod QR KITAREcycle juga boleh diletakkan di tepi tong sampah beroda di kediaman masing-masing pada hari kutipan +1 seminggu sekali mengikut jadual kutipan bagi barangan kitar semula, sisa kebun dan sisa pukal.

Pasukan 3R Troopers SWM Environment yang melaksanakan kutipan barangan kitar semula di semua sangkar KITAREcycle beroperasi seperti biasa di sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN), Fasa 1. Sila hubungi Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 untuk mengetahui lokasi sangkar KITAREcycle berhampiran.

SWM Environment menyeru penduduk negeri Melaka untuk mendaftar sebagai ahli KITAREcycle secara percuma melalui laman web www.KITAREcycle.com atau memuat turun aplikasi KITAREcycle di Apple Apps Store dan Google Play Store.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat

SWM Environment Sdn. Bhd.

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250 Melaka.

Tel : 06-3350191

Faks : 06-3350117

Emel : wah.ramli@swmsb.com